

# AVORAX TABLET

Acyclovir (200mg, 400mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini?

1. Apakah kegunaan Avorax Tablet
2. Bagaimana Avorax Tablet berfungsi
3. Sebelum menggunakan Avorax Tablet
4. Cara menggunakan Avorax Tablet
5. Semasa menggunakan Avorax Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Avorax Tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Avorax Tablet

Ia digunakan untuk merawat:

- Jangkitan virus herpes simplex (kudis herpes) pada kulit, termasuk jangkitan awal atau jangkitan virus berulang pada mata, bibir dan kawasan kemaluan.
- cacar air.
- kayap, ruam kulit yang sakit dan menggelembung.

## Bagaimana Avorax Tablet berfungsi

Avorax mengandungi bahan aktif iaitu Acyclovir. Acyclovir adalah anti-viral yang menghalang pertumbuhan virus dengan mencegah penyebaran virus di dalam badan.

## Sebelum menggunakan Avorax Tablet

### Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan Avorax Tablet jika anda alah (hipersensitif) terhadap Acyclovir atau bahan lain yang terkandung dalam ubat ini.

### Sebelum mula menggunakan

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan Avorax Tablet jika anda:

- hamil atau merancang untuk hamil.
- sedang menyusukan anak atau merancang untuk menyusu.
- menghadapi kegagalan buah pinggang.
- Kehilangan cecair badan.

### Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda mengambil ubat Probenecid dan Zidovudine atau kebelakangan ini sedang mengambil ubat lain, termasuk sebarang ubat tanpa preskripsi.

## Cara menggunakan Avorax Tablet

### Berapa banyak harus digunakan

- *Untuk rawatan jangkitan virus herpes simplex:*  
Dewasa: 200mg 5 kali atau setiap 4 jam sehari. Untuk 5 – 10 hari.

Dos boleh ditingkatkan kepada 400mg bagi pesakit yang mengalami masalah penyerapan pada usus.

Kanak-kanak lebih dari 2 tahun: sama seperti dos dewasa.

Kanak-kanak kurang dari 2 tahun: separuh dari dos dewasa.

Pesakit buah pinggang: 200mg setiap 12 jam.

- *Untuk rawatan jangkitan berulang virus herpes simplex bagi pesakit yang lemah imuniti badan*

Dewasa: 200mg 4 kali sehari atau setiap 6 jam, Atau 400mg 2 kali sehari atau setiap 12 jam.

Dos akan dipantau rapi oleh doktor/ ahli farmasi setiap 6 hingga 12 bulan.

- *Untuk mencegah jangkitan virus herpes simplex bagi pesakit yang lemah imuniti badan*

Dewasa: 200mg 4 kali atau setiap 6 jam sehari.

Dos boleh ditingkatkan kepada 400mg bagi pesakit kekurangan imuniti yang serius.

Kanak-kanak lebih dari 2 tahun: sama seperti dos dewasa.

Kanak-kanak kurang dari 2 tahun: separuh dari dos dewasa.

- *Untuk rawatan cacar air*  
Kanak-kanak 2 - 12 tahun: 20mg/kg, 4 kali sehari. Dos maksimum 800mg sehari selama 5 hari.

Kanak-kanak 13 – 18 tahun dan Dewasa: 800mg, 4 kali sehari. Untuk 5 hari.

Pesakit buah pinggang: 800mg 2 kali sehari.

- *Untuk rawatan kayap:*  
800mg, 5 kali sehari, Untuk 7 – 10 hari.

### Bila perlu digunakan

Ambil sebaik sahaja jangkitan dikesan. Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

### Berapa lama perlu digunakan

Sila ikut arahan tempoh penggunaan yang disarankan oleh doktor atau ahli farmasi.

### Jika terlupa menggunakan

Ambil secepat mungkin sebaik sahaja anda teringat. Jika dos seterusnya adalah hampir, ambil dos yang seterusnya. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang terlepas.

### Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Dapatkan rawatan perubatan dengan segera jika anda terambil secara berlebihan atau bimbang dengan keadaan yang dialami.

## Semasa menggunakan Avorax Tablet

### Perkara yang perlu dilakukan

Sentiasa cuci tangan sebelum mengambil ubat. Telan tablet bersama air dan cuba mengambilnya pada waktu yang sama setiap hari.

### Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan kunyah tablet. Telan tablet dengan air.

Jangan ambil ubat ini tanpa preskripsi doktor atau ahli farmasi.

### Perkara yang perlu diberi perhatian

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda:

- alah terhadap Acyclovir atau bahan lain yang terkandung dalam ubat ini.
- hamil atau menyusukan anak.
- mengalami masalah buah pinggang.

## Kesan-kesan sampingan

- Sakit kepala.
- Tindak balas saraf (*neurological reactions*).
- Keletihan.
- Ruam kulit.
- Ketidakselesaan perut dan usus (*gastrousus*).
- Peningkatan bahan kumuhan badan seperti urea dalam darah, kreatinin, bilirubin dan enzim hati.
- Bacaan darah yang tidak normal.
- Kekeliruan.
- Menggigil dan sawan.

Dapatkan rawatan perubatan dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan atau masalah alahan.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550,

# AVORAX TABLET

Acyclovir (200mg, 400mg)

---

atau lawan web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my)  
(consumers → Reporting)

**Nombor Siri**  
BPFK(R4/1)161115/00424

## **Cara penyimpanan dan pelupusan Avorax Tablet**

### Penyimpanan

Simpan di bawah 25°C, di tempat dingin dan kering.

Jauhi dari kanak-kanak.

Jangan ambil ubat ini selepas tarikh luput.

### Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi.

## **Maklumat lanjut**

### Rupa dan warna produk

*Avorax Tablet 200mg:*

Tablet bulat berwarna biru.

*Avorax Tablet 400mg:*

Tablet bulat berwarna merah jambu.

### Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif

Acyclovir

Bahan tidak aktif

*Avorax Tablet 200mg:*

FDC Blue #1, Ponceau 4R Lake, Sodium Starch Glycolate, Maize Starch, Lactose, Colloidal Silicon Dioxide, Pregelatinised Starch, Microcrystalline Cellulose, Magnesium Stearate

*Avorax Tablet 400mg:*

Pregelatinised Starch, Microcrystalline Cellulose, Colloidal Silicon Dioxide, Red Iron Oxide, Sodium Starch Glycolate, Maize Starch, Magnesium Stearate, Purified Water, Lactose

### Nombor Pendaftaran

*Avorax Tablet 200mg:* MAL19961362AZ

*Avorax Tablet 400mg:* MAL19961361AZ

## **Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk**

Xepa-Soul Pattinson (Malaysia) Sdn Bhd  
1-5 Cheng Industrial Estate,  
75250 Melaka, Malaysia.

## **Tarikh kemaskini RiMUP**

17 Februari 2016